UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

# TINDAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)

TARIKH: 23 DISEMBER 2014 (SELASA) BIL: 4 2014/2015

| RUJUKAN | PERKARA | PIHAK BERTANGGUNGJAWAB | TINDAKAN |
|---|---|---|---|
| 1.4 | Mesyuarat berbincang dan bersetuju bagi pertukaran pendaftaran Sarjana ke PhD calon mestilah sekurang-kurangnya memperoleh CGPA 3.33 bagi ijazah Sarjana Muda dan telah membentangkan sekurang-kurangnya dua (2) kertas kerja di persidangan dan kertas kerja diterima untuk diterbitkan dalam *prosiding* atau jurnal artikel berjaya diterima untuk diterbitkan dalam jurnal berindeks. Calon yang memperoleh CGPA 3.00 hingga 3.32 bagi ijazah Sarjana Muda boleh dipertimbangkan sekiranya jurnal artikel berjaya diterima untuk diterbitkan dalam jurnal berindeks. Mesyuarat diminta memasukkan klausa *'bagi CGPA yang kurang 3.33 tertakluk kepada kelulusan JKTS yang akan diadakan pada 7 Januari 2015'* di dalam kertas kerja yang akan dibawa ke Mesyuarat JKTS. | *Tindakan : BPB, SPS* | Kertas kerja telah dibawa ke Mesyuarat Senat pada 7 Januari 2015 dan telah diluluskan oleh senat. |
| 1.5 | Mesyuarat dimaklumkan Kertas Kerja Cadangan Pindaan Peraturan Akademik Berkaitan Pelantikan Pemeriksa Tesis Bagi Program Ijazah Kedoktoran telah dibawa ke Mesyuarat Senat pada 6 November 2013 tetapi tidak diluluskan. Mesyuarat bersetuju agar kedua-dua Pemeriksa Luar membaca tesis tetapi salah seorang sahaja yang perlu hadir ke sesi peperiksaan | *Tindakan : BPB, SPS* | Kertas kerja telah dibawa ke Mesyuarat Senat pada 7 Januari 2015 tetapi Senat telah menangguhkan kelulusan sehingga mendapat keputusan mesyuarat JKTNC/R (A&A). |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | lisan. Kertas kerja berhubung perkara ini akan dibawa ke Mesyuarat JKTS. | | |
| 1.7 | Mesyuarat juga diingatkan berhubung tarikh-tarikh penting iaitu:<br><br>i. 5 Februari 2015 ialah tarikh akhir penghantaran tesis.<br><br>ii. 1-27 Februari 2015 ialah tarikh Pertandingan 3MT di Peringkat Fakulti.<br><br>iii. 26 Mac 2015 ialah tarikh Pertandingan 3MT Peringkat UTM.<br><br>iv. 12 Mei 2015 ialah tarikh Pertandingan 3MT Peringkat Kebangsaan. | *Tindakan : Semua Fakulti & SPS* | |
| 1.9 | Mesyuarat memohon agar SRAD mengambil tindakan tentang audit lokasi untuk Pesisir. | *Tindakan : SRAD* | SRAD telah berbincang dengan Timbalan Pengarah Kualiti Akademik dan Pengurus Standard Peningkatan Kualiti Akademik, QRIM berhubung perkara ini. Perbincangan seterusnya akan diadakan pada 29 Januari 2015 untuk membincangkan tentang kriteria audit lokasi. |